

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 15 JULAI 2008, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 32**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1212-L13961  
**Tuan Haji Ahmad bin Haji Maslan [ Pontian ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bukti-bukti kejayaan konsep Pertanian Baru untuk mengubah nasib petani, penternak dan nelayan di luar bandar serta langkah-langkah terkini yang dirancang untuk dilaksanakan dalam kadar segera dan RMK-9 bagi memastikan golongan ini dibela dengan lebih berkesan.
2. PR-1212-L14316  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan Lebuh raya Kajang Seremban (LEKAS). Apakah masalah yang dihadapi oleh Pemaju. Berapakah kos sebenar pembinaan Lebuh raya LEKAS dan adakah kutipan tol akan dibuat nanti.
3. PR-1212-L13672  
**Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk menjadikan kolej komuniti ini sebagai sebuah "*Institution of Choice*" di kalangan belia dan bagaimanakah Kementerian menentukan kursus-kursus yang ditawarkan supaya para graduan kolej ini dapat memenuhi kehendak industri semasa.
4. PR-1212-L13550  
**Datuk Zahrain Mohamed Hashim [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap penganjur-penganjur laman web yang mengendalikan skim-skim cepat kaya.

5. PR-1212-L14361  
**Tuan Ismail bin Haji Mohamed Said [ Kuala Krau ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan di bahagian kecemasan di hospital-hospital daerah.
6. PR-1212-L13082  
**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah kos membina jejantas berjalan kaki di Kuala Kurau Daerah Kerian merentasi Sungai Kurau, Perak.
7. PR-1212-L13299  
**Tuan Raime bin Unggi [ Tenom ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah faktor-faktor yang boleh menjadikan Doktrin Media Nasional lebih relevan dengan suasana dan keperluan semasa yang memperlihatkan media Internet sebagai bacaan media utama.
8. PR-1212-L14355  
**Tuan Roslan bin Shaharum [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kesan terhadap program promosi barangan keluaran Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di *hypermarket* sejak dijalankan sehingga kini.
9. PR-1212-L14045  
**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha-usaha baru yang akan dilaksanakan supaya Malaysia berada di dalam kumpulan top 10 seperti Singapura dan Amerika Syarikat dalam daya saing negara.
10. PR-1212-L14431  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jumlah peruntukan dan butir-butir insentif Kerajaan telah diberi kepada Syarikat PROTON sejak tahun 1984 dan sejauh mana kejayaan PROTON menembusi pasaran luar negara.
11. PR-1212-L13184  
**Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
  - (a) apakah dasar Sekolah Bersih Indah dan Selamat; dan
  - (b) apakah perancangan Kementerian menaikkan kualiti tandas sekolah.

12. PR-1212-L13731  
**Tuan Azan bin Ismail [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan berapakah jumlah peruntukan dan bilangan kes mengikut negeri yang diberi bantuan di bawah dana projek perumahan rakyat termiskin (PPRT) setakat ini.
13. PR-1212-L14612  
**Datuk Haji Baharum bin Mohamed [ Sekijang ]** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan sejauh manakah program 'Homestay' yang dianjurkan oleh Kementerian di kawasan luar bandar mendapat sambutan daripada pelancong-pelancong tempatan dan luar negara dan apakah bantuan yang diberikan kepada program ini.
14. PR-1212-L13007  
**Tuan Aaron Ago Anak Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan dasar Kerajaan bagi pengambilan pelajar ke universiti-universiti tempatan bagi kursus-kursus sains seperti kedoktoran dan kejuruteraan di mana negara kita mengalami kekurangan tenaga manusia dalam bidang-bidang tersebut. Berapakah jumlah pelajar yang dipilih setiap tahun untuk kursus-kursus tersebut dibandingkan dengan keperluan negara.
15. PR-1212-L13261  
**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [ Machang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status pelaksanaan projek pengairan pertanian moden di Machang untuk membolehkan tanah terbiar sawah padi diusahakan.
16. PR-1212-L13079  
**Tuan Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan memandangkan kawasan Parlimen Sibuti mempunyai beberapa Kawasan Taman Negara seperti Gua Niah, Taman Negara Air Terjun Lambir dan Pantai Kuala Sibuti seperti Pantai Bungai, Pantai Bakam dan lain-lain, dan adakah Kementerian akan memasukkan tempat-tempat tarikan pelancongan ini dalam peta pelancongan Malaysia.
17. PR-1212-L14112  
**Tuan Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula Akta Keselamatan Dalam Negeri serta undang-undang bagi pencegahan jenayah yang lain yang memperuntukkan bagi penahanan tanpa bicara. Jika tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.
18. PR-1212-L12796  
**Ir. Haji Hamim bin Samuri [ Ledang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menganjurkan pendekatan anak angkat atau rakan niaga antara GLC dan pengusaha-pengusaha industri kampung dalam usaha untuk membimbing dan mengangkat martabat mereka.

19. PR-1212-L12753  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah subsidi petrol dan diesel yang diberikan kepada pengusaha pengangkutan awam di negara ini; dan
  - (b) adakah Kerajaan akan memberikan subsidi yang sama kepada pengusaha feri Kota Kinabalu-Labuan demi untuk kepentingan pengguna dan industri pelancongan.
20. PR-1212-L13308  
**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) jumlah peruntukan yang disalurkan kepada SK, SJK (C) dan SJK (T) di Kawasan Parlimen Batu pada tahun 2005 hingga 2007 dan anggaran tahun 2008; dan
  - (b) nisbah di antara guru dan pelajar di SK, SJK (C) dan SJK (T) di setiap sekolah bagi kawasan Parlimen Batu pada tahun 2005 hingga 2008.
21. PR-1212-L14576  
**Puan Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah purata kanak-kanak sekolah bagi satu kelas di kawasan bandar dan pedalaman negeri Sarawak berbanding dengan Semenanjung Malaysia; dan
  - (b) jika terdapat perbezaan, apakah sebab-sebabnya.
22. PR-1212-L13862  
**Dato' Kamarudin bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah hutang AirAsia kepada Malaysia Airport Berhad (MAHB) dan bilakah hutang itu akan dilangsaikan.
23. PR-1212-L14143  
**Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) berapakah bilangan projek-projek perumahan yang terbengkalai di negeri Selangor yang telah diselesaikan oleh Kementerian; dan

- (b) adakah syarikat-syarikat dan pengusaha-pengusaha yang terlibat dalam projek perumahan yang terbengkalai telah disenarai hitamkan. Jika ya, sila sebutkan nama-nama syarikat termasuk maklumat mengenai Ahli Lembaga Pengarah dan pemilik-pemilik saham.
24. PR-1212-L13728  
**Dato' Abu Bakar bin Taib [ Langkawi ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menghapuskan monopoli syarikat pengusaha feri di Langkawi untuk dibuka persaingannya kepada pihak yang berminat agar tahap perkhidmatan yang ditawarkan dapat dipertingkatkan seperti yang dilakukan oleh syarikat penerbangan negara.
25. PR-1212-L13250  
**Tuan Charles Anthony a/l R. Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senaraikan bilangan jenayah di kawasan Parlimen Klang dari tahun 2005-2007 dan lima bulan pertama 2008 seperti berikut; keganasan, pembunuhan, ragut, rogol dan lain-lain, jumlah jenayah yang dilakukan oleh orang tempatan dan pendatang asing.
26. PR-1212-L14088  
**Datuk Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah benar dakwaan beberapa pemilik syarikat penerbit filem bahawa beberapa minggu sebelum Pilihan Raya Umum ke 12, pihak RTM telah meluluskan kontrak jam program televisyen melebihi RM100 juta kepada hanya beberapa syarikat; dan
- (b) senaraikan syarikat-syarikat berkenaan.
27. PR-1212-L14598  
**Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai terperinci operasi-operasi PETRONAS antarabangsa yang telah dikenal pasti di sekurang-kurangnya 31 buah negara dan memberi butiran maklumat (seperti yang boleh) tentang kedudukan kewangannya di setiap negara-negara ini.
28. PR-1212-L13138  
**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai sebarang pelan untuk memperbaiki dan pembesaran pangkalan TLDM di Tawau. Jika ya, bilakah dan berapakah jumlah kos.

29. PR-1212-L14070  
**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang hasil pendapatannya kurang daripada RM10 juta setahun dan mempunyai tunggakan bayaran pungutan sisa pepejal sebelum Perbadanan Sisa Pepejal mengambil alih pengurusan sisa pepejal negara.
30. PR-1212-L14448  
**Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah kemajuan rancangan pembinaan Lebuhraya sisir pantai Pantai Barat yang diwar-warkan sejak 2004 hingga kini.
31. PR-1212-L14368  
**Dr. Mohamed Hayati bin Othman [ Pendang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa ditukar nama SJER ke WPI dan IM, dari negara mana syarikat yang datang melabur dan jumlah pelaburan mereka setakat ini. Apakah insentif yang diberikan kepada syarikat berkenaan dan apakah keistimewaan negara jiran Singapura perolehi hasil pelaburan di sini.
32. PR-1212-L13667  
**Dato' Ismail bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah strategi Kerajaan untuk memperkukuhkan aktiviti 'branding' di bawah Tahun Melawat Malaysia sebagai suatu produk atau pakej pelancongan yang dinanti-nanti oleh masyarakat antarabangsa di mana 'brand' Tahun Melawat Malaysia ini mula terkenal dengan ciri-ciri menarik yang tertentu di kalangan pelancong antarabangsa.
33. PR-1212-L14371  
**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jabatan-jabatan Kerajaan memang mempunyai piagam perkhidmatan yang cukup menarik, apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan dan memantau prestasi jabatan-jabatan Kerajaan supaya mereka benar-benar menepati dan melaksanakan apa yang dinyatakan dalam piagam perkhidmatan mereka.
34. PR-1212-L13363  
**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan jumlah pelancong yang datang ke Malaysia dan Pulau Pinang masing-masing sejak 2004, wang pendapatan diperolehi dan berikan pecahan mengikut negara. Nyatakan jumlah perbelanjaan promosi pada tempoh dan masa dan sama ada Kerajaan akan mengurangkan perbelanjaan promosi untuk Pulau Pinang dan sebabnya.

35. PR-1212-L14224  
**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapa banyakkah tanah-tanah rizab Melayu telah diambil untuk tujuan pembangunan hingga tahun 2007. Adakah jumlah yang telah diambil telah diganti oleh tanah-tanah lain dan berapa banyak.
36. PR-1212-L12773  
**Dato' Dr. James Dawos Mamit [ Mambong ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perkembangan terkini tentang Universiti Apex. Apakah kriteria untuk memilih IPTA sebagai Universiti Apex.
37. PR-1212-L12814  
**Tuan Kulasegaran a/l Murugeson [ Ipoh Barat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah berlakunya diskriminasi terhadap pelajar-pelajar cemerlang untuk mendapat biasiswa JPA dan apakah kriteria-kriteria sebenar dalam proses pemilihannya.
38. PR-1212-L13648  
**Puan Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin [ Papar ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah sumbangan signifikan sektor perladangan dan komoditi kepada ekonomi negara dan peranan yang boleh dimainkan oleh Kerajaan-kerajaan negeri.
39. PR-1212-L14127  
**Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kes kecurian identiti melibatkan pelanggan perbankan Internet tahun 2007 dan 2008. Bagaimanakah modus operandi mereka dan tindakan Kerajaan untuk membanterasnya.
40. PR-1212-L13106  
**Tengku Razaleigh Hamzah [ Gua Musang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Dasar Ekonomi Perdana Menteri berteraskan kepada pengumuman dan pelancaran pembangunan pelbagai Koridor yang diyakini boleh menjana peningkatan ekonomi. Apakah kedudukan perancangan tersebut setelah Kerajaan kehilangan penguasaan di 5 + 1 buah negeri kepada parti pembangkang.
41. PR-1212-L14447  
**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah kajian dalam bentuk R&D dibuat sebelum memperkenalkan sesuatu program pembangunan pendidikan di sekolah-sekolah.

42. PR-1212-L13757  
**Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pelaksanaan "FLYOVER" melintas landasan kereta api di Jalan Sutan Ismail Petra di bandar Tanah Merah di mana projek ini difahamkan masih di tahap melantik konsultan untuk kajian tapak (*site investigation*) dan ukur tanah.
43. PR-1212-L13017  
**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan untuk meningkatkan prestasi kakitangan Kerajaan dalam konteks "*Delivery System*" (Sistem Penyampaian Perkhidmatan) dan apakah Kerajaan telah berpuas hati, sedangkan rakyat nampaknya masih lagi tidak berpuas hati mengenainya.
44. PR-1212-L14243  
**Puan Teo Nie Ching [ Serdang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan :-
- (a) sama ada perjanjian konsesi antara Kerajaan dengan Litrak akan dikelas semula memandangkan Litrak telah bersetuju untuk mendedahkan perjanjian tersebut; dan
  - (b) syarikat-syarikat konsesi yang tidak bersetuju untuk mendedahkan perjanjian-perjanjian mereka.
45. PR-1212-L12939  
**Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang kesan-kesan positif dan impak ketara Sabah Development Corridor (Koridor Pembangunan Sabah) terhadap masyarakat di negeri Sabah terutamanya masyarakat di daerah Kinabatangan.
46. PR-1212-L12922  
**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan sedar bahawa undang-undang mengenai cermin gelap pada kenderaan di negara ini tidak dikuatkuasakan sepenuhnya terutama sekali peringkat daerah. Apakah langkah susulan yang diambil mengenai hal tersebut.
47. PR-1212-L12852  
**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan bagi menempatkan graduan sains tajaan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi memaksimumkan potensi mereka dalam usaha meningkatkan mutu sains negara.

48. PR-1212-L14128  
**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan jalan-jalan yang terlibat dengan projek naik taraf jalan raya, siar kaki dan longkang di Kuala Lumpur sejak selepas Pilihan Raya Umum ke-11 (PRU 11) berserta kos bagi setiap jalan berbanding jarak jalan-jalan tersebut.
49. PR-1212-L13480  
**Datuk Siringan bin Gubat [ Ranau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan daripada 1,100 pelajar bumiputera dan 900 pelajar bukan bumiputera yang diberi biasiswa untuk belajar di luar negara tahun 2008, berapakah bilangan pelajar daripada Sabah mengikut bilangan bumiputera dan bukan bumiputera.
50. PR-1212-L14197  
**Datuk Tiong Thai King [ Lanang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
- (a) sejak pelancaran Skim Pinjaman Perumahan bagi pembinaan dan pembaikan rumah panjang di Negeri Sarawak, berapa jumlah pinjaman yang telah diluluskan dan jumlah pintu yang mendapat manfaat daripada skim pinjaman ini mengikut tahun 2005,2006 dan 2007; dan
  - (b) memandangkan kos binaan yang semakin meningkat, adakah Kerajaan mempertimbangkan agar menambahkan had pinjaman.
51. PR-1212-L13111  
**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada benar bahawa Pejabat Pembangunan Negeri di Perak akan menubuhkan suatu jawatankuasa yang terdiri daripada pemimpin BN untuk mempertimbangkan cadangan projek yang akan dilaksanakan di bawah skim peruntukan khas RM500,000 untuk setiap kawasan Parlimen.
52. PR-1212-L13183  
**Dato' Lilah bin Yasin [ Jempol ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) apakah dasar pembangunan perumahan untuk PPRT; dan
  - (b) berapakah keperluan seluruh negara dan nyatakan kejayaan untuk tahun 2007.

53. PR-1212-L13768  
**Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan memandangkan bekas pelajar yang tidak menjelaskan PTPTN akan dibawa ke mahkamah, apakah mekanisme yang digunakan untuk membantu pelajar mendapat pekerjaan.
54. PR-1212-L14314  
**Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek perumahan yang terbengkalai di Malaysia amnya dan Selangor khususnya dan apakah kekangan mereka. Apakah tindakan Kerajaan dalam menangani masalah pembeli yang terpaksa menanggung beban hutang yang meningkat akibat projek perumahan terbengkalai.
55. PR-1212-L13141  
**Tuan Salleh bin Kalbi [ Silam ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina balai bomba yang baru di Lahad Datu dan membeli kereta bomba baru serta menambahkan bilangan anggota-anggotanya, demi untuk menambahkan kecekapan perkhidmatan bomba di kawasan seluas 6,500 KM persegi di bawah jagaan Balai Bomba Lahad Datu.
56. PR-1212-L13922  
**Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan senarai nama dan nombor telefon orang atau perbadanan yang memegang kunci pintu Dewan Orang ramai/Serba Guna/Rakyat/Masyarakat/DBKL di kawasan Segambut dan sama ada Ahli Parlimen boleh menggunakan dewan-dewan tersebut untuk menemui rakyat.
57. PR-1212-L14105  
**Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [ Batu Pahat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah wang zakat yang diperolehi oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk tahun 2007. Nyatakan pecahannya mengikut zakat perniagaan syarikat dan zakat pendapatan individu. Bagaimana dan kepada siapakah zakat itu diagihkan.
58. PR-1212-L14363  
**Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan jumlah pekerja asing dan orang asing termasuk Singapura untuk mendapatkan rawatan percuma di hospital Kerajaan.
59. PR-1212-L12947  
**Datuk Bung Moktar bin Radin [ Kinabatangan ]** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan tentang status jana kuasa yang dijanjikan oleh Kerajaan terutamanya di negeri Sabah.

60. PR-1212-L12954  
**Puan Fong Po Kuan [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh mana keberkesanan dan penguatkuasaan Akta Orang Kurang Upaya memainkan peranannya untuk menghapuskan diskriminasi terhadap OKU serta berikan senarai rancangan Kementerian dan tempoh perlaksanaannya sejajar dengan Akta tersebut.
61. PR-1212-L13992  
**Datuk Haji Abd Rahman bin Dahlan [ Kota Belud ]** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan berapakah jumlah dan nama syarikat dari Sabah yang berdaftar dengan RTM sebagai pembekal program TV.
62. PR-1212-L13788  
**Tuan Johari bin Abdul [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) berapakah jumlah kem yang digunakan dalam Program Latihan Khidmat Negara di seluruh negara; dan
  - (b) berapakah belanja sebenar untuk seorang pelatih dalam sehari dan berikan pecahan perbelanjaan mengikut perbelanjaan terperinci.
63. PR-1212-L13012  
**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) perancangan yang dilakukan FELDA untuk meningkatkan pendapatan peneroka dan apakah usaha FELDA untuk membantu, generasi kedua dan ketiga FELDA memiliki rumah dan tanah serta lain-lain keperluan; dan
  - (b) adakah FELDA akan menyediakan kemudahan tersebut di FELDA Lawin Utara, FELDA Lawin Selatan dan FELDA Pepulut di Parlimen Lenggong.
64. PR-1212-L14220  
**Datuk Tiong Thai King [ Lanang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan untuk menjadikan Sarawak sebagai satu daripada jelapang padi negara. Apakah rancangan Kementerian dalam menggunakan peruntukan Ringgit 50 juta yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Pusat.
65. PR-1212-L14280  
**Tuan Razali bin Haji Ibrahim [ Muar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dana-dana pelaburan yang dikendalikan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan jumlah pelabur-pelabur serta jumlah keseluruhan pelaburan yang telah dibuat oleh rakyat Malaysia dalam dana-dana tersebut sejak ia ditubuhkan sehingga kini.

66. PR-1212-L13321  
**Tuan Zulkifli bin Noordin [ Kulim Bandar Baru ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) adakah Kementerian bercadang untuk memansuhkan uniform pelbagai warna di sekolah rendah/menengah dan menggunakan uniform asal dengan penggunaan lencana/tali leher sahaja untuk pengawas; dan
  - (b) apa rasional mempertanggungjawabkan guru dengan tugas perkeranian guru data.
67. PR-1212-L13214  
**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah benar JAKIM telah hilang kuasa menentukan sijil Halal kerana diambil alih oleh Halal Development Corporation (HDC) dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai Halal Hub dunia. Sila jelaskan pengurusan pensijilan ini.
68. PR-1212-L13037  
**Dato' Mohd Jidin bin Shafee [ Setiu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana penyelesaian Kerajaan dalam menangani kes-kes murtad di Malaysia.
69. PR-1212-L13990  
**Datuk Haji Abd Rahman bin Dahlan [ Kota Belud ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) berapakah telaga minyak yang terletak di kawasan eksklusif perairan negeri Sabah; dan
  - (b) apakah formula pengiraan bagi menentukan jumlah royalti minyak untuk negeri Sabah.
70. PR-1212-L13803  
**Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) berapa jumlah pelarian yang telah mendapat pengiktirafan dari UNHCR yang masih ditahan di dalam kem-kem tahanan dan berapakah jumlah biaya setiap orang; dan
  - (b) apakah alasan Kerajaan untuk tidak mengiktiraf pelarian-pelarian yang memegang dokumen pengenalan yang dikeluarkan oleh UNHCR bagi mengurangkan kos pembiayaan di kem tahanan.

71. PR-1212-L13078  
**Tuan Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah dalam perancangan untuk membina pusat Giat Mara atau kolej komuniti di kawasan Parlimen Sibuti memandangkan terdapat banyak belia yang memerlukan latihan vokasional, sijil dan diploma di kawasan tersebut.
72. PR-1212-L14517  
**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [ Pengkalan Chepa ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan Kementerian telah mengharamkan pengusaha stesen minyak di kawasan sempadan yang menjual minyak petrol dan diesel kepada kenderaan daripada negara jiran. Apakah tindakan/langkah keselamatan untuk melindungi stesen minyak ini.
73. PR-1212-L14597  
**Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan menurut dasar "Fuel Subsidy Reform" yang telah diumumkan baru-baru ini, supaya rakyat miskin tidak dibebankan oleh harga minyak yang tinggi.
74. PR-1212-L13843  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sebab mengapakah piawai WIMAX yang diterima oleh kebanyakan negara-negara lain, di mana WIMAX 2.5 GHz tidak dibenarkan penggunaannya di negara kita dan hanya membenarkan WIMAX 2.3 GHz.
75. PR-1212-L14490  
**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa lamakah tempoh masa yang diambil untuk memproses kenaikan pangkat guru-guru time-based dan kenaikan pangkat guru.
76. PR-1212-L13313  
**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) langkah-langkah untuk meningkatkan kemudahan asas dan kebajikan guru Sekolah Agama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan
  - (b) jumlah anggaran peruntukan yang akan disalurkan kepada Sekolah Agama di Wilayah Persekutuan dan senaraikan nama sekolah.

77. PR-1212-L14158  
**Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
- (a) bilangan pelajar perubatan yang belajar di luar negara mengikut negara, tahun belajar dan tajaan Kerajaan atau swasta; dan
  - (b) mekanisme pemantauan untuk memastikan kualiti dan mutu pembelajaran perubatan terutama di tahap tahun-klinikal di negara-negara tersebut menepati tahap minima yang diperlukan bagi melahirkan doktor-doktor yang mampu merawat pesakit dengan profesional dan selamat.
78. PR-1212-L13505  
**Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan Organisasi yang diuruskan atau Managed Care Organisations (MCO) yang berfungsi setakat ini dan bilangan yang telah berdaftar di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Kesihatan Swasta 1998.
79. PR-1212-L14102  
**Datuk Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan :-
- (a) apakah benar Kerajaan ada menjalin perjanjian kerja sama dengan sebuah syarikat swasta mengenai projek membangunkan Kem Transit Tentera Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada 1996; dan
  - (b) nama syarikat berkenaan berserta perincian perjanjian tersebut.
80. PR-1212-L14218  
**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan memandangkan Kerajaan didapati tidak dapat mengawal secara sempurna dan berkesan operasi pusat hiburan, pusat perjudian, rumah urut dan kedai arak, adakah Kerajaan bercadang untuk mengawal dan memberhentikan pengeluaran lesen jenis ini.
81. PR-1212-L13224  
**Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha meningkatkan tahap pelajar IPTA bagi mencapai tahap '*world class student*' dan apakah penarafan yang digunakan oleh IPTA bagi tujuan tersebut.

82. PR-1212-L13117  
**Datuk Chua Soon Bui [ Tawau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan tindakan yang diambil Kementerian terhadap isu budak-budak tidak bernegara dan budak-budak jalanan di Sabah dan terutamanya di Tawau.
83. PR-1212-L14588  
**Puan Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci jumlah peruntukan belanjawan berbanding dengan jumlah sebenar yang telah diagihkan sehingga kini bagi Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE), Northern Corridor Economic Region (NCER) dan Iskandar Malaysia (dahulunya IDR).
84. PR-1212-L13834  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sebab-sebab Malaysia menarik diri daripada tanggungjawab pemantauan damai di Mindanao dan sama ada penarikan ini akan menyebabkan penambahan pendatang asing Filipina di Sabah.
85. PR-1212-L14446  
**Tuan Salahuddin bin Haji Ayub [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan alasan dikemukakan oleh Peguam Negara kepada Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri supaya beliau membebaskan Goh Cheng Poh a.k.a 'Tengku' Goh dari tahanan daerah.
86. PR-1212-L14518  
**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [ Pengkalan Chepa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk menjamin barangan import, Halal digunakan oleh umat Islam di Malaysia dan senaraikan barangan import yang telah ditentukan Halal.
87. PR-1212-L14636  
**Tuan Ding Kuong Hiing [ Sarikei ]** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah projek pembekalan elektrik di bawah program Bekalan Elektrik Luar Bandar (RES) di kawasan luar bandar negeri Sarawak sejak tahun 2000 hingga kini. Adakah Kementerian menambah peruntukan di bawah program ini khasnya di negeri Sarawak.
88. PR-1212-L12977  
**Datuk Md. Sirat bin Abu [ Bukit Katil ]** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilakah teknologi Wymax akan mula diguna pakai di Melaka. Berapa lesenkah yang telah dikeluarkan dan senaraikan syarikat-syarikat tersebut.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 2/2008) Rang Undang-undang Ahli Geologi 2008 – **Menyambung semula Perbahasan atas Masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” (25 Jun 2008)**  
**[Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar]**
2. (D.R. 7/2008) Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2008 **Bacaan Kali Yang Kedua**  
**[Perdana Menteri]**
3. (D.R.11/2008) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2008 “  
**[Menteri Kewangan]**
4. (D.R. 6/2008) Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2008 “  
**[Menteri Pelajaran]**
5. (D.R. 10/2008) Rang Undang-undang Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara 2008 “  
**[Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi]**
6. (D.R. 4/2008) Rang Undang-undang Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Pindaan) 2008 “  
**[Menteri Pelancongan]**
7. PR-1212-U12759  
**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-  
"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Second Hand Dealers Act yang diamalkan di Semenanjung belum lagi dipanjangkan ke negeri Sabah. Dan mengambil maklum bahawa dengan ketiadaan Akta ini, para peniaga besi buruk di Sabah hanya perlu mendapatkan lesen mereka daripada Pihak Berkuasa Tempatan sahaja. Dan mengambil maklum bahawa, rakan niaga mereka di Semenanjung yang dikawal oleh Akta ini hanya mendapat lesen mereka setelah permohonan dan premis mereka diperiksa serta transaksi perniagaan mereka secara terperinci oleh pihak polis.

Dan mengambil maklum bahawa akhir-akhir ini, banyak kejadian buruk yang merugikan bukan sahaja rakyat tetapi negara, di negeri Sabah seperti keruntuhan tiang elektrik voltan tinggi, kehilangan kabel elektrik dan telefon. Dan mengambil maklum bahawa, tindakan undang-undang yang di ambil kepada para penjenayah tersebut adalah terbatas kerana pihak polis hanya bergantung dengan Local By-Laws. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk memanjangkan second hand dealers acts ke negeri Sabah dengan kadar yang segera, agar kegiatan mencuri besi buruk dapat dibendung dan dihapuskan."

**[Menteri Dalam Negeri]**

8. PR-1212-U12760

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, kita kerap mendengar laporan serta keluhan mengenai dengan keruntuhan moral di kalangan muda-mudi kita, terutama sekali dalam kegiatan maksiat, jenayah dan penagihan dadah. Dan mengambil maklum bahawa Kerajaan melalui pelbagai agensi dan Jabatannya telah menjalankan banyak aktiviti dan kempen bagi mengatasi dan membendung masalah yang dimaksudkan di atas namun keberkesanannya kurang dirasai.

Dan mengambil maklum bahawa pihak-pihak lain yang bernaung di bawah Badan keagamaan dan badan bukan Kerajaan juga boleh memainkan peranan mereka bagi mengatasi dan membendung masalah di atas. Namun kegiatan mereka selalunya terhad kerana ketiadaan dana untuk melaksanakan dan menjayakan program yang dirancang. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menyediakan dana yang cukup kepada Badan-badan yang dimaksudkan di atas agar kita bersama dapat mengatasi masalah ini."

**[Menteri Belia dan Sukan]**

9. PR-1212-U12761

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [ Putatan ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sejak akhir-akhir ini, negara digemparkan dengan isu kekurangan barang makanan terutama sekali beras, di mana pihak Kerajaan terpaksa campur tangan bagi memastikan bekalan adalah mencukupi. Dan mengambil maklum bahawa negeri Sabah dan Sarawak mempunyai keluasan tanah yang mencukupi bagi maksud penanaman padi yang sekurang-kurangnya boleh menambah rizab beras negara .

Dan mengambil maklum bahawa selain daripada tanah sawah, negeri Sabah dan Sarawak juga mempunyai tanah yang dengan kecerunan di bawah 25 % yang boleh ditanam dengan beras bukit misalnya beras Bario yang sememangnya terkenal di Sabah, Sarawak dan Brunei. Dan mengambil maklum juga bahawa di setengah kawasan di negara China, misalnya mereka mengusahakan penanaman padi bukit di kawasan yang kecerunannya melebihi 25%. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan untuk menggalakkan dan memberikan subsidi bagi penanaman padi bukit di negeri Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan lagi bekalan dan rizab bekalan beras negara."

**[Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani]**

10. PR-1212-U13628  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa dewan ini membincangkan dasar kedaulatan makanan termasuk beras. Bahawa Dewan ini ingin tahu apa sebenarnya 70% mampu diri mengenai beras dan usaha untuk membuka lebih banyak tanah untuk tanaman padi."

**[Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani]**

11. PR-1212-U13630  
**Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini hendak membahaskan perubahan dasar subsidi termasuk beras dan diesel. Dewan juga mahu mendebatkan cara-cara yang digunakan untuk memastikan golongan yang layak dapat menikmati subsidi dan penyelewengan dapat diatasi."

**[Perdana Menteri]**

12. PR-1212-U13693  
**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk membenarkan siaran langsung televisyen sepenuhnya bagi sidang Dewan Rakyat supaya rakyat boleh menonton ucapan para ahli berhormat dan proses Dewan Rakyat membuat keputusan terhadap dasar dan undang-undang."

**[Menteri Penerangan]**

13. PR-1212-U13695

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk memulihkan Pilihan Raya Kerajaan tempatan demi menjadikan perkhidmatan Kerajaan tempatan di negara kita lebih berkesan di samping memulangkan hak kepada rakyat untuk memilih Datuk Bandar dan ahli Majlis Kerajaan Tempatan."

**[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**

14. PR-1212-U13697

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mendesak Kerajaan untuk melaksanakan kempen kitar semula dan kempen pengurangan penggunaan plastik dengan lebih gigih demi memelihara kebersihan alam sekitar."

**[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**

15. PR-1212-U13699

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama."

**[Perdana Menteri]**

16. PR-1212-U13700

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya Diraja Pembaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC)."

**[Perdana Menteri]**

17. PR-1212-U12997

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kementerian dan memandang serius agar pihak Badan Pencegah Rasuah menubuhkan satu cawangan khas untuk mengendalikan perkara yang tidak ada rasuah terbabit tetapi pihak pegawai sengaja melambat-lambatkan proses pelaksanaannya. Contohnya, sesuatu kerja tidak dapat dijalankan disebabkan sesuatu badan/agensi yang melambat-lambatkannya untuk di proses."

**[Perdana Menteri]**

18. PR-1212-U12998

**Datuk Eric Enchin Majimbun [ Sepanggar ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum dan memandang serius terhadap peningkatan penduduk Malaysia khususnya di Sabah yang meningkat secara mendadak sehingga jauh lebih tinggi berbanding di negeri-negeri lain di Malaysia, contohnya seperti Malaysia 10,439,430 pada tahun 1970 dan 22,202,614 pada tahun 2000 peratus kenaikannya sebanyak 113%, Sarawak 976,269 pada tahun 1970 dan 2,012,616 pada tahun 2000 peratus kenaikannya sebanyak 106% dan Sabah 636,431 pada tahun 1970 dan 2,449,389 pada tahun 2000 peratus kenaikannya ialah sebanyak 285%. Bagaimana penduduk Sabah melambung naik sehingga 172% lebih tinggi daripada peratus kenaikan penduduk seluruh negara kita."

**[Perdana Menteri]**

19. PR-1212-U13536

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini meluluskan ketetapan bahawa Kerajaan Persekutuan hendaklah memulihkan semula Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di semua Majlis/Dewan Bandaraya dan Majlis Perbandaran seluruh Negara dengan mengambil tindakan meminda Perlembagaan Persekutuan dan Akta Kerajaan Tempatan bagi maksud tersebut supaya kuasa perwakilan rakyat di dalam Kerajaan tempatan dikembalikan semula selaras dengan amalan demokrasi berparlimen di Malaysia dan tuntutan rakyat sebagaimana yang dijemakan dalam keputusan Pilihan Raya Umum 2008 yang mencerminkan kehendak dan hasrat rakyat."

**[Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan]**

20. PR-1212-U13538

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan membina sebuah Muzium Memperingati Kapitan Yap Ah Loy bagi mengenang jasa mendiang sebagai pembuka dan Bapa Pembangunan Awal Kuala Lumpur untuk tatapan masyarakat Malaysia dan antarabangsa."

**[Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan]**

21. PR-1212-U13050

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat resolusi untuk mengambil tindakan terhadap kemasukan pendatang asing yang terlalu ramai sehingga tidak dapat dikawal dan menjejaskan sektor pekerjaan dan sosial."

**[Menteri Dalam Negeri]**

22. PR-1212-U13053

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat resolusi untuk mendesak Kerajaan supaya menarik balik pindaan Akta Hubungan Perusahaan 1967 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959. Sekiranya ia tidak dipinda ia akan memberikan kesan yang tidak adil bagi kaum pekerja di negara ini."

**[Menteri Sumber Manusia]**

23. PR-1212-U13331

**Tuan Chua Tian Chang [ Batu ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, Pengerusi SPR dan panel-panel SPR yang lain meletak jawatan akibat daripada tindakan membatalkan penggunaan dakwat kekal dalam pilihan raya lepas dan tiada penjelasan yang kukuh bagi membatalkan sehingga kini. Selain itu, kenyataan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri dan Pengerusi SPR adalah bercanggah. Pengerusi SPR juga melakukan pengecualian dalam proses pendaftaran pemilih serta tiada penjelasan diberikan. Dewan ini mendesak supaya sebuah Suruhanjaya ditubuhkan bagi menyiasat SPR dan mengadakan public hearing bagi mengembalikan ketelusan dan keyakinan kepada rakyat."

**[Perdana Menteri]**

24. PR-1212-U12800  
**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ]** akan mencadangkan:-  
" Bahawa dewan ini mendesak Menteri Pengajian Tinggi supaya mendedahkan kepada orang awam proses pelantikan pensyarah-pensyarah di Institut-Institut Pengajian Tinggi Awam Negara."  
**[Menteri Pengajian Tinggi]**
25. PR-1212-U12802  
**Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ]** akan mencadangkan:-  
" Bahawa dewan ini meminta Kerajaan Malaysia supaya meningkatkan pengambilan calon-calon dari golongan bukan Bumiputera di sektor pekerjaan awam."  
**[Perdana Menteri]**
26. PR-1212-U13880  
**Tuan Liew Chin Tong [ Bukit Bendera ]** akan mencadangkan:-  
"Bahawa Dewan ini menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi RM100 juta oleh Kementerian Pertahanan, mesti dibahas di Parlimen dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara mempertingkatkan integriti dan keberkesanan jangka panjang pembelian sistem pertahanan. "  
**[Menteri Pertahanan]**
27. PR-1212-U14379  
**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [ Gombak ]** akan mencadangkan:-  
"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa sumber bahan api seperti petroleum dan gas telah mengalami kenaikan harga yang semakin melambung dan rizab negara bahan ini akan kehabisan dalam tempoh 20 tahun. Dewan ini berpandangan bahawa Kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang progresif dan proaktif untuk memastikan bahawa negara ini tidak akan mengalami kekurangan bahan api dan mencari sumber alternatif yang mudah diganti renewable resources dengan secepat mungkin.  
Dewan ini mendesak supaya PETRONAS menerajui usaha-usaha untuk mencari sumber alternatif seperti biofuel dan bioethanol daripada sumber-sumber pertanian seperti sweet potato, jagung, sweet sorghum, tebu dan menghasilkan bahan api ini dengan skala besar.

Dewan ini juga menggesa PETRONAS supaya berhenti daripada menerokai bidang-bidang yang bukan core competency mereka seperti membina hospital lima bintang Prince Court Medical Centre dan membina dewan muzik filharmonik dan menggaji pemuzik-pemuzik luar negara, di mana perkara-perkara ini merupakan perbelanjaan yang membazir yang hanya memberi keuntungan atau manfaat kepada segolongan kecil rakyat negara ini."

**[Perdana Menteri]**

28. PR-1212-U14020

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-bangsa Bersatu dalam menguatkuasakan Resolusi 62/149 Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 18 Disember 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

**[Menteri Luar Negeri]**

29. PR-1212-U14024

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengkaji dalam penubuhan Penguat Kuasa Pengangkutan Awam Kebangsaan National Public Transport Authority (NPTA) untuk menyeragamkan pengangkutan awam di bandar dan antara bandar. Dewan ini berpandangan bahawa badan ini akan mengambil tanggungjawab dalam perancangan, pemantauan dan pembaikan sistem pengangkutan awam di jalan raya."

**[Menteri Pengangkutan]**

30. PR-1212-U14031

**Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum dan sedar mengenai isu yang berkaitan dengan air khususnya berkaitan dengan jumlah penggunaan keperluan air, kesedaran mengenainya dan konservasinya. Justeru, adalah penting bagi Dewan ini mengkaji dalam penggubalan dasar-dasar yang bersangkutan paut dengan permasalahan yang dinyatakan itu. Dasar ini nanti akan menjadi rujukan dan mampu dalam meningkatkan kesedaran rakyat berkenaan dengan hak asasi manusia bagi mendapat akses kepada keperluan air dengan selamat serta menjadi panduan kepada pemuliharaan air dan teknologi kepada penguat kuasa tempatan dan sektor-sektor perindustrian."

**[Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi]**

31. PR-1212-U14607

**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengutuk sikap tidak profesional Menteri Pelancongan yang membatalkan MoU berkaitan dengan lima buah negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat atas alasan tidak bersefahaman. Dewan ini berpandangan bahawa alasan tersebut bukan sahaja tidak munasabah, bahkan dipengaruhi oleh pemikiran politik kepartian yang amat sempit dan dangkal."

**[Menteri Pelancongan]**

32. PR-1212-U14617

**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kementerian Pelajaran supaya membuat perisytiharan terbuka tentang penggunaan semula Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar untuk subjek sains dan matematik di sekolah. "

**[Menteri Pelajaran]**

33. PR-1212-U14620

**Tuan Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Kerajaan Malaysia mengkaji semula AUKU supaya ia selaras dengan hak-hak kebebasan rakyat yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Dewan ini berpandangan sekatan yang dikenakan oleh AUKU ke atas kebebasan pelajar adalah bercanggah dengan Hak Asasi Manusia. "

**[Menteri Pengajian Tinggi]**

34. PR-1212-U14168

**Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [ Batu Pahat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong penuh agar cadangan pembinaan pusara Orang Kenamaan yang akan dibuat di ibu kota Kuala Lumpur dibatalkan. Ini kerana projek itu bukan sahaja tidak sesuai bahkan satu pembaziran kepada kawasan tanah yang semakin terhad di ibu kota."

**[Perdana Menteri]**

35. PR-1212-U14177

**Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [ Batu Pahat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak supaya Kerajaan Malaysia bertindak segera untuk membangunkan Pulau Pisang termasuk membatalkan perjanjian yang membenarkan Singapura mendirikan rumah api di pulau tersebut."

**[Menteri Luar Negeri]**

36. PR-1212-U14182

**Dr. Mohd Puad bin Zarkashi [ Batu Pahat ]** akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan supaya Kerajaan membuat keputusan yang jelas dan tegas untuk mengurangkan kehadiran tenaga kerja asing di Malaysia. Kehadiran yang tidak terkawal itu menyebabkan bukan sahaja menutup peluang pekerjaan kepada orang tempatan tetapi masalah jenayah yang semakin meningkat dan tidak terkawal."

**[Menteri Dalam Negeri]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2008</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.72	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.3) 2008 P.U.(A) 39 bertarikh 17 April 2008.	15 Julai 2008
ST.73	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Cukai Dikenakan Ke Atas Lebihan Aktuari) 2008 P.U.(A) 141 bertarikh 6 Mei 2008.	15 Julai 2008
ST.74	Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2008 P.U.(A) 175 bertarikh 1 Jun 2008.	15 Julai 2008
ST.75	Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN)(Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) 2008. P.U.(A) 176 bertarikh 1 Jun 2008.	15 Julai 2008
ST.76	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Cukai Ke Atas Pengagihan Pendapatan Dana Keluarga, Dana Takaful Semula) 2008 P.U.(A) 188 bertarikh 9 Jun 2008.	15 Julai 2008
ST.77	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.4) 2008 P.U.(A) 191 bertarikh 12 Jun 2008.	15 Julai 2008
ST.78	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Hadiah Komputer Peribadi Baru dan F1 Langganan jalur lebar Bulan Kepada Pekerja) 2008 P.U.(A) 192 bertarikh 12 Jun 2008.	15 Julai 2008
ST.79	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Pertanian Dipercepatkan)(Perladangan Pokok kayu Getah) 2008 P.U.(A) 193 bertarikh 12 Jun 2008.	15 Julai 2008
ST.80	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepatkan) (Kelengkapan Kawalan Keselamatan dan Kelengkapan Pemantauan) 2008 P.U.(A) 205 bertarikh 19 Jun 2008.	15 Julai 2008